

## **BIODATA**

### **AZIZ JAHPIN**

Aziz Jahpin atau nama sebenarnya Aziz Alias lahir pada 29 Jun 1928 di Geylang Serai, Singapura. Beliau menerima pendidikan awalnya di Melaka iaitu di Sekolah Melayu Alor Gajah, kemudian melanjutkan pelajarannya di High School Melaka hingga lulus Sijil Persekolahan pada tahun 1947. Pada tahun 1948 hingga 1952 beliau bertugas sebagai guru dan selepas itu menjadi penterjemah di Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur hingga tahun 1953. Beberapa tahun berikutnya beliau berkhidmat sebagai wartawan bagi Harian Melayu Raya dan kemudian bagi majalah Maju terbitan RIDA (kini MARA). Menjelang kemerdekaan beliau bertugas di Jabatan Penerangan sebagai pemberita. Tidak lama kemudian beliau berpindah pula ke Filem Negara sebagai Penulis Skrip merangkap Pengarah Filem.

Aziz Jahpin berhenti dari Filem Negara pada tahun 1967 dan kemudian bertugas di Jabatan Penerangan Malaysia sebagai penulis rencana. Kemudian berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Penerbitan di Kementerian Penerangan, Angkasapuri, Kuala Lumpur hingga bulan Oktober 1976 apabila beliau berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjadi Pegawai Penerbitan di situ. Beliau bersara pada 29 Jun 1983 dan diambil semula pada 22 Julai 1983 untuk berkhidmat sebagai Pegawai Penerbitan Rancangan di Jabatan Penyiaran (RTM).

Karya beliau yang pertama tersiar merupakan rencana-rencana berbahasa Melayu dan Inggeris dalam Majalah Pemuda dan 'The Young Malaysians' dalam tahun 1947. Dalam bidang drama beliau lebih terkenal sebagai penulis yang prolific. Beliau banyak menghasilkan drama radio, televisyen dan di peringkat awalnya drama pentas. Beliau juga telah menghasilkan novel dan skrip drama dan beberapa kali telah memenangi anugerah penulisan bagi penulisan kreatif termasuk novel *Pulanglah Perantau*, skrip drama *Puteri Ibunda* dan *Seroja*. Beliau juga menyumbangkan lebih 200 latar kata bagi filem dokumentari termasuk yang dikeluarkan oleh 'National Film Board of Canada',

Australia dan New Zealand. Pada 11 Februari 1998, Aziz Jahpin dengan rasminya telah menyerahkan koleksi asal hasil penulisan beliau kepada PNM untuk diabadikan.